



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN DAN VALIDASI INSTRUMEN PENILAIAN
PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH (i-PBS)**

ZUL AZWAL BIN MOHAMED



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menentusahkan Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (i-PBS). Draf pertama instrumen ini mengandungi 50 item yang terdiri daripada kombinasi ujian aneka pilihan dan soal selidik berbentuk skala Likert 5-mata. Ujian aneka pilihan dibina untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran guru melaksanakan PBS manakala skala Likert 5-mata pula dibina untuk mendapatkan maklumat berkaitan kekuatan dan kekangan guru melaksanakan PBS. Populasi kajian terdiri daripada 1230 orang guru sekolah rendah di Daerah Rompin, Pahang. Sampel kajian terdiri daripada 655 orang guru yang dipilih secara rawak daripada kesemua 43 buah sekolah rendah di daerah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Model pengukuran Rasch digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item melalui nilai-nilai kebolehpercayaan dan pengasingan item, kesesuaian item (*item fit*), polariti item, peta item-individu dan taburan kesukaran item. Keseluruhannya, i-PBS menunjukkan bukti-bukti kesahan dan kebolehpercayaan yang baik berdasarkan ciri-ciri psikometrik item. Tiga item telah disingkirkan kerana *misfit*. Keputusan menunjukkan lebih dua pertiga guru mempunyai pengetahuan pada tahap baik dan cemerlang tentang dasar PBS. Begitu juga dengan kemahiran guru melaksanakan PBS yang mana majoriti guru mempunyai kemahiran pada tahap baik dan cemerlang. Namun begitu, tahap pengetahuan guru tentang pengoperasian PBS masih belum memuaskan yang mana lebih kurang satu pertiga guru berada pada tahap lemah. Kebanyakan guru bersetuju sistem *offline* memudahkan urusan perekodan data pentaksiran berbanding sistem *online* yang digunakan sebelum ini. Guru juga bersetuju latihan dan kursus PBS mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan PBS. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan keperluan latihan PBS yang berterusan terutama dalam aspek pengoperasian PBS, menambah kapasiti pelayar serta mewujudkan sistem penjadualan kemasukan data mengikut negeri supaya capaian yang lebih efisien diperolehi. Sumbangan kajian ini terhadap bidang pengukuran penilaian ialah terhasilnya instrumen i-PBS yang mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi yang boleh digunakan di sekolah-sekolah rendah Malaysia.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

THE DEVELOPMENT AND VALIDATION OF A SCHOOL-BASED ASSESSMENT IMPLEMENTATION INSTRUMENT (i-SBA) USING RASCH MEASUREMENT MODEL

ABSTRACT

This study aims to develop and validate a School-Based Assessment Implementation Instrument (i-SBA). The first draft of the instrument consists of 50 items involving combination of multiple choice and questionnaires in a 5-point Likert scale. The multiple choice test was used to obtain information about teachers' knowledge and skills in the implementation of SBA, while the questionnaire was used to seek information about the strengths and obstacles faced by the teachers in implementing SBA. The population of the study was 1230 primary school teachers in Rompin district, Pahang. The sample comprised of 655 teachers that were randomly chosen from all the 43 schools in the district. The Rasch measurement model was used to establish the reliability and validity of the i-SBA instrument through the values of item reliability and separation, item fit, item polarity, item-person map and item measure distribution. Overall, the i-PBS has shown good reliability and validity evidences based on the psychometric characteristics of the items. Out of 50 items constructed, three items had been removed due to misfit. Results showed that two-third of the teachers possess good or excellent levels of knowledge about SBA policy. Similar pattern was observed for skills to implement SBA whereby majority of teachers possess skills at good or excellent levels. However, the level of teacher's knowledge about SBA operation is still not satisfactory whereby about one-third of the teachers were at weak level. Most teachers agree that the offline system could ease the recording of assessment data compared to the online system that had been previously used. They also agree that training and SBA courses are able to increase their knowledge and skills in implementing SBA. The implication of this study suggests a need for continuous SBA training, particularly in the aspect of SBA operation, to increase the capacity of the server and to establish a scheduling system of data entry activity by state so to obtain a more efficient access. The contribution of this research towards evaluation field is the establishment of the i-SBA with high reliability and validity than can be used in primary schools in Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ISI KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xii

SENARAI RAJAH

xiv

SENARAI LAMPIRAN

xv

SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL/ TATANAMA/ ISTILAH

xvi

BAB 1



05-4506832



PENDAHULUAN

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

1.1	Pengenalan	
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Peryataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9	Definisi Konseptual dan Operasional	17
1.9.1	Penilaian	17
1.9.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	17
1.9.3	Guru	19



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9.4	Pengetahuan	19
1.9.5	Kemahiran	20
1.9.6	Sikap	20
1.9.7	Kekuatan dan Kekangan	20
1.10	Rumusan	21

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pengertian Pentaksiran	24
2.3	Konsep Asas Pentaksiran	25
2.4	Kekangan dalam Pentaksiran	27
2.5	Cabaran dalam Pentaksiran	28
2.6	Transformasi Sistem Pendidikan di Malaysia	30
2.6.1	Dasar Pendidikan Era Pra Merdeka	30
2.6.2	Dasar Pendidikan Era Pasca Merdeka	31
2.6.3	Kurikulum Baru Sekolah Rendah	32
2.6.4	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	33
2.6.5	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	35
2.7	Standard Literasi Pentaksiran	36
2.8	Standard Guru Malaysia	38
2.9	Pengetahuan dan Kemahiran Guru	40
2.10	Sikap Guru	41
2.11	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	43





2.11.1	Dasar Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	45
2.11.2	Dokumen Standard Prestasi	49
2.11.3	Kualiti Pentaksiran Berasaskan Sekolah	55
2.11.4	Penjaminan Kualiti	56
2.11.5	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	60
2.12	Pihak-pihak Berkepentingan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah	61
2.13	Amalan Sistem Pentaksiran Luar Negara	63
2.13.1	Sistem Pentaksiran di Australia	63
2.13.2	Sistem Pentaksiran di Caribbean	64
2.13.3	Sistem Pentaksiran di Hong Kong	66
2.13.4	Sistem Pentaksiran di Brunei	67
2.13.5	Perbandingan Amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Malaysia dengan Negara Luar	69
2.14	Model Penilaian Program	71
2.14.1	Model Penilaian Responsif Robert Stake	71
2.14.2	Model Penilaian Objektif Tyler	74
2.14.3	Model Penilaian Ketidaksamaan Provus	75
2.14.4	Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven	77
2.14.5	Model Penilaian CIPP Stufflebeam	78
2.15	Perbandingan Antara Model Penilaian	82
2.16	Pemilihan Model Penilaian	84
2.17	Model Rasch	86
2.18	Kajian Lepas Berkenaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Dalam Negara	88





**2.19 Kajian Lepas Berkenaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
di Luar Negara**

93

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian	97
3.2 Lokasi Kajian	98
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	98
3.4 Pembangunan Instrumen Kajian	99
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	102
3.6 Kajian Rintis	103
3.6.1 Kebolehpercayaan Instrumen i-PBS	104
3.7 Kesahan Instrumen Kajian	106

3.8 Kesimpulan

106



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	108
4.2 Latar Belakang Responden	109
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kaum	109
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Utama Diajar	110
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	111
4.2.4 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	112
4.3 Sejauhmanakah Instrumen i-PBS yang Dibina Menunjukkan Bukti-bukti Berkaitan Kebolehpercayaan dan Kesahan?	113





4.4	Sejauhmanakah Tahap Pengetahuan Guru Tentang Dasar Pentaksiran Berasaskan Sekolah?	124
4.5	Sejauhmanakah Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Sekolah?	126
4.6	Sejauhmanakah Tahap Kemahiran Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Mengikut Panduan yang Ditetapkan Lembaga Peperiksaan?	127
4.7	Apakah Kekuatan dan Kekangan Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?	129

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	133
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	133

5.2.1	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	134
5.2.2	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Dasar Pentaksiran Berasaskan Sekolah	135
5.2.3	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Sekolah	135
5.2.4	Tahap Kemahiran Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	136
5.2.5	Kekuatan dan Kekangan Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	136

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	137
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (i-PBS)	138
5.3.2	Keselarasan Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru dengan Aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia	139
5.3.3	Kekuatan dan Kekangan Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	140
5.4	Cadangan	142





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

5.4.1	Cadangan Memperluaskan Penggunaan Instrumen i-PBS	142
5.4.2	Cadangan Menangani Kekangan Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	143
5.4.3	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	146
5.5	Kesimpulan	147
	RUJUKAN	148



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1: Kerangka Utama Pernyataan Standard.	51
2.2: Kerangka Pernyataan Standard.	52
2.3: Pernyataan dalam Standard Prestasi dan Tafsirannya.	52
2.4: Pernyataan Standard, Deskriptor dan Evidens.	53
2.5: Perbandingan Kekuatan dan Kelemahan Model-model Penilaian.	82
3.1: Senarai Sekolah Rendah di Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur.	99
3.2: Klasifikasi Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Mengikut Skor dalam Peratus.	101
3.3: Pecahan Item dalam Instrumen i-PBS.	101
3.4: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen i-PBS.	104
3.5: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen i-PBS Mengikut Konstruk.	105
4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kaum.	109
4.2: Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Utama Diajar.	110
4.3: Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar.	111
4.4: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi.	112
4.5: Analisis Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Item.	113
4.6: Analisis <i>PTMEA Corr., Infit dan Outfit.</i>	115
4.7: Analisis Polariti Item (<i>PTMEA Corr.</i>).	117
4.8: Analisis <i>Item Measure.</i>	121
4.9: Analisis <i>GDIF.</i>	123
4.10: Tahap Pengetahuan Responden tentang Dasar PBS.	125
4.11: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Pengoperasian PBS.	126





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

4.12: Tahap Kemahiran Responden Melaksanakan PBS. 128

4.13: Skor Medium dan Skor Mod Setiap Konstruk untuk Mengenalpasti Kekuatan dan Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS. 129



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1: Kerangka Konseptual Kajian.	18
2.1: Empat Komponen PBS.	46
2.2: Penggunaan Dokumen Standard Prestasi dalam PBS.	50
2.3: Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS).	60
2.4: Kerangka Konsep Pungutan Data.	73
2.5: Prosedur Penilaian Tyler.	75
2.6: Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven.	78
2.7: Model Penilaian CIPP.	81
4.1: Peta Item-Individu untuk Konstruk Pengetahuan.	118
4.2: Peta Item-Individu untuk Konstruk Kemahiran.	119
4.3: Menunjukkan Konstruk untuk Kekuatan dan Kekangan.	120
4.4: Graf Bar Menunjukkan Tahap Pengetahuan Responden Tentang Dasar PBS.	125
4.5: Graf Bar Menunjukkan Tahap Pengetahuan Responden Tentang Pengoperasian PBS.	127
4.6: Graf Bar Menunjukkan Tahap Kemahiran Responden Melaksanakan PBS.	128





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen i-PBS
- B Borang Semak Pengesahan Instrumen Kajian
- C Senarai Sekolah Rendah di Daerah Rompin
- D Surat-surat Berkaitan
- E Hasil Analisis *Statistic Package of Social Science (SPSS)*
- F Hasil Analisis Winsteps



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvi

SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL/ TATANAMA/ ISTILAH

ASAT	<i>The Australian Scholastic Aptitude Test</i>
BMI	<i>Body Mass Index</i>
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CIPP	<i>Context, Input, Process and Product</i>
CXC	<i>Caribbean Examination Council</i>
DIF	<i>Differential Item Functioning</i>
DSP	Dokumen Standard Prestasi
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Fail Perkembangan Murid	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
FS	<i>Fail Showcase</i>
HKDSE	<i>Hong Kong Diploma of Secondary Education</i>
HKEAA	Autoriti Pentaksiran dan Peperiksaan Hong Kong
ICT	Teknologi maklumat dan komunikasi
i-PBS	Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR ¹	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSR ²	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KKI	Kebezaan Kefungsian Item
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvii

MBE	Model Baru Ekonomi
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
1-PLM	Model Satu Parameter Logistik
PKBS	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah
PMB	Penilaian Menengah Bawah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PP	Pentaksiran Pusat



PPD 506832



pustaka.upsi.edu.my



Pejabat Pelajaran Daerah

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PPMR	Pentaksiran Peringkat Menengah Rendah
PPPM	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid
PS	Pentaksiran Sekolah
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PTMEA Corr.	<i>Point-measure correlation</i>
PTS	Penilaian Tahap 1
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMAR	Sekolah Menengah Agama Rakyat
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii

SPSS

Statistic Package of Social Science

TMK

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

TRI

Model Teori Respons Item

UPSR

Ujian Penilaian Sekolah Rendah

ZIMSEC

Lembaga Peperiksaan Sekolah Zimbabwe



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Tuntutan kurikulum persekolahan supaya lebih memenuhi keperluan semasa dan cabaran akan datang menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan transformasi pendidikan dari masa ke semasa. Terkini, bermula tahun 2011, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk menggantikan sistem pendidikan yang lama iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Dalam KBSR, dua penilaian penting diamalkan iaitu Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) dan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). PKBS ialah satu pentaksiran berterusan bagi semua mata pelajaran yang dijalankan sepanjang tahun. PKBS merangkumi pentaksiran formatif dan sumatif bertujuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



mengesan perkembangan individu secara menyeluruh dalam aspek kognitif, efektif dan psikomotor. Ini meliputi pentaksiran terhadap penggunaan kemahiran, pemerolehan pengetahuan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni serta sikap, minat dan bakat (KPM, 1993).

Manakala dalam UPSR pula, pentaksiran yang diadakan adalah untuk menilai pencapaian akademik murid Tahun Enam. Aspek yang dinilai lebih menumpu kepada bidang kognitif khususnya kemahiran membaca, mengira dan menulis (3M). Hasil penilaian akan direkodkan dalam penyata keputusan UPSR (KPM, 1993). Hanya empat subjek teras yang dinilai iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.



menyebabkan nilai-nilai lain seperti aspek efektif, kemahiran sosial, kemahiran saintifik, kemahiran amali, kemahiran belajar, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni seperti sikap, minat, kreativiti, keagamaan dan bakat murid diabaikan oleh guru. Tambahan pula, guru hanya menekankan pencapaian cemerlang murid dalam UPSR kerana ia menjadi syarat utama untuk menempatkan diri di sekolah-sekolah pilihan seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan sebagainya.

Maka tidak hairanlah jika sistem pentaksiran negara seringkali dikatakan kurang baik kerana terlalu berorientasikan peperiksaan. Menurut Yusof & Mohd Musa (2008), sistem pentaksiran negara ini merupakan sistem kurikulum yang menekankan pencapaian murid dalam bidang akademik semata-mata hingga banyak





aspek lain seperti pembinaan jati diri, jasmani, sahsiah, budi pekerti dan nilai-nilai murni dalam pendidikan terabai. Perkara ini dilihat bercanggah dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Justeru itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mula diperkenalkan pada tahun 2011 di semua sekolah rendah. KSSR merupakan satu penambahbaikan terhadap dasar dan program pentaksiran negara. Pada dasarnya, KSSR juga dibangunkan berdasarkan prinsip-prinsip yang sedia ada dalam KBSR. Jika KBSR menekankan konsep 3M iaitu membaca, mengira dan menulis, KSSR pula menekankan konsep penguasaan asas yang sama tetapi dengan penambahan satu lagi kemahiran iaitu menaakul. Maka terhasilah konsep 4M. Selain elemen 4M, KSSR turut menekankan elemen keusahawanan, kreativiti, Teknologi Maklumat dan



Bagi memastikan elemen-elemen KSSR ini tercapai, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula diperkenalkan pada 1 Januari 2011. PBS adalah format baru bagi penambahbaikan UPSR. Menurut Norsyahida (2013), sistem PBS tidak menghapuskan sistem peperiksaan sedia ada tetapi lebih kepada melahirkan murid yang berkualiti di bidang akademik dan bukan akademik melalui pentaksiran secara holistik.

Sebelum ini, sistem pendidikan negara lebih memberi tumpuan kepada pencapaian dalam peperiksaan. Berlainan dengan PBS, ianya pentaksiran bersifat holistik iaitu menilai aspek afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan kognitif (KPM, 2011).





Bersesuaian PBS yang bersifat holistik, PBS dibahagikan kepada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Menurut Lembaga Peperiksaan 2012, pentaksiran di bidang akademik mempunyai dua komponen iaitu Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) manakala di bidang bukan akademik pula terdiri daripada komponen Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi). PPsi merupakan satu perubahan ketara dalam amalan pentaksiran di negara ini di mana ia merupakan suatu kaedah yang digunakan secara sistematis untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan trait psikologi. Trait psikologi yang diukur merangkumi aptitud dan personaliti murid. PPsi mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) daripada pengalaman dan persekitaran.



1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), murid-murid Tahun Enam perlu melalui Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang dijalankan oleh Lembaga Peperiksaan. UPSR merupakan penilaian sumatif untuk menguji tahap pencapaian akademik murid selama enam tahun di sekolah rendah. Menurut Ruhila (2012), pentaksiran bersifat tradisional iaitu menggunakan pensel dan kertas yang menekankan penilaian sumatif seperti sekarang ini dirasakan tidak adil untuk menilai pencapaian murid selama enam tahun di peringkat rendah.

Terdapat tiga kelemahan pentaksiran tradisional iaitu 1) pencapaian akademik murid dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan bertulis semata-mata, 2) tiada





pentaksiran lain selain UPSR yang bersifat sumatif dan 3) murid tiada peluang kedua untuk menambahbaik keputusan peperiksaan. Oleh itu, transformasi sistem pentaksiran yang direalisasikan melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini dilihat amat wajar dilaksanakan. Namun begitu, transformasi ini membawa bersama perubahan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan amalan pentaksiran sedia ada. Perubahan yang berlaku mungkin memberikan kekuatan mahupun kekangan kepada guru semasa melaksanakan sistem pentaksiran yang baharu ini.

Menurut Hamzah & Sinnasamy (2009), pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah tidak akur sepenuhnya dengan kehendak garis panduan Lembaga Peperiksaan. Hal itu berpunca daripada tahap kesedaran inovasi dan perubahan yang masih belum mencukupi. Kepimpinan PBS yang diterajui oleh pengetua juga belum



benar-benar mantap dari segi pengetahuan konseptual PBS dan kemahiran pentaksiran yang perlu dipatuhi. Dari segi pengurusan masa pula, Noor & Sahip (2010) menyatakan guru-guru dihambat dengan masa untuk mentaksir murid serta menganggap proses melaksanakan pentaksiran ini mengganggu tugas-tugas lain di samping jadual waktu yang padat perlu dipatuhi.

Kekangan-kekangan ini memerlukan kesediaan pihak sekolah khususnya guru dalam menguasai sepenuhnya dari segi pengetahuan dan kemahiran melaksanakan PBS. Ini kerana peranan guru amat besar dalam membawa hala tuju murid bagi merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.





Hasil cadangan dan perbahasan dari pelbagai pihak di bidang akademik, KPM (2011) telah mengarahkan semua guru di sekolah rendah dan menengah supaya mengaplikasikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam menilai prestasi murid. Bermula 2016, bagi murid Tahun Enam, pemarkahan adalah 60% daripada peperiksaan akhir (UPSR) dan 40% daripada pengumpulan markah bermula di Tahun Empat, Lima dan Enam. Manakala pelajar Tingkatan Tiga pula akan menduduki Pentaksiran Peringkat Menengah Rendah (PPMR), 100% bermula tahun 2014 (Lembaga Peperiksaan, 2011). Ini bermakna, murid-murid Tahun Enam pada tahun 2016 merupakan generasi pertama menduduki UPSR PBS.

Oleh kerana PBS merupakan satu sistem yang baharu diperkenalkan, penyelidik berminat untuk memberi tumpuan dengan mendalam terhadap penilaian



ini masih lagi belum menyeluruh, maka penilaian dalam kajian ini adalah berbentuk formatif. Menurut Mertens & Wilson (2012), pentaksiran dianggap sebagai formatif apabila ia dijalankan semasa proses pembangunan sesuatu program atau produk dengan tujuan untuk memberikan maklum balas untuk memperbaiki program tersebut. Dalam konteks kajian ini, penilaian yang dijalankan melibatkan penentuan objektif, mendapatkan maklumat serta memproses maklumat untuk penilaian dan membuat kesimpulan serta keputusan.

Menurut Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang (2008), apabila proses penilaian yang dijalankan itu dibuat secara bersistem dan saintifik, maka keputusan yang diperoleh lebih tepat dan seterusnya tindakan yang diambil benar-benar sesuai. Tahap pengetahuan dan kemahiran guru melaksanakan PBS merupakan dua perkara penting





yang menjadi asas dalam kajian ini. Di samping itu, kekuatan dan kekangan guru dalam melaksanakan PBS juga akan dinilai dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Transformasi kurikulum yang berlaku dalam sistem pendidikan negara melibatkan banyak pihak untuk bekerjasama menjayakan inovasi tersebut. Semua pihak termasuk pembuat dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pelaksana dasar iaitu Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan guru serta badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG), para ibu bapa dan murid perlu memahami tanggungjawab masing-masing dalam merealisasikan sistem



Namun demikian, sememangnya setiap perubahan yang berlaku itu menuntut perubahan dari segi minda, ilmu pengetahuan, cara pengoperasian, pelaporan dokumentasi dan sebagainya. Begitu juga yang berlaku dalam pelaksanaan PBS. Banyak rungutan dari pelbagai pihak terutamanya di kalangan guru. Memetik kenyataan Menteri Pelajaran Malaysia yang menyatakan bahawa KPM akan mengambil langkah penambahbaikan kaedah pelaksanaan PBS dari masa ke semasa (Mingguan Malaysia, 04 November 2012).

Guru sebagai pelaksana utama PBS mestilah terlebih dahulu menguasai pengetahuan dan kemahiran melaksanakan pentaksiran bersifat autentik ini. Kegagalan guru sebagai pentaksir dalam menilai prestasi murid secara berkesan,





dikhuatiri menjelaskan matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Menurut Mohd Azli (2009), adalah menjadi satu keperluan terhadap pelaksanaan PBS yang diuruskan oleh guru yang memiliki pengetahuan dan kemahiran pentaksiran yang baik dan mencukupi. Keperluan ini akan menjamin kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang dilaksanakan. Impak positif akan terhasil melalui pelaksanaan PBS yang sempurna dan hasilnya penyediaan modal insan yang berkualiti untuk negara akan dapat dicapai.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK, 2013) telah mengemukakan sembilan tuntutan untuk mempertingkatkan profesi perguruan. Dua daripada tuntutan tersebut adalah berkenaan PBS iaitu gesaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya segera menambahbaik sistem akses Pentaksiran



akses data berkenaan sering terganggu semasa guru-guru memasukkan markah murid. Lebih teruk apabila sistem itu turut memadam data yang telah dimasukkan. Selain itu, penggunaan fail bagi tujuan perekodan data murid yang terlalu banyak juga menjadi beban kepada guru.

Suara Guru Masyarakat Malaysia (2014) telah menyatakan masalah utama guru dalam melaksanakan PBS iaitu nisbah murid kepada guru yang besar. Sebagai contoh, seorang guru mata pelajaran Matematik yang mengajar tiga buah kelas dengan jumlah murid seramai 105 orang perlu menilai dan memasukkan data bagi ke semua 105 orang murid tersebut. Tambahan pula, laporan kemajuan murid memerlukan maklumat yang detail beserta evidens. Ini menyebabkan guru

